

Bil. S 71

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2006

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran.
 2. Pengisytiharan tempat terkawal.
 3. Pihak berkuasa.
 4. Pemansuhan S 50/04.
-

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (1) bab 5 dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal, 2006.

Pengisytiharan tempat terkawal.

2. Tempat-tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual kepada Perintah ini yang diterangkan dengan lebih khusus dalam pelan-pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang disimpan di dalam pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat-tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta tersebut.

Pihak berkuasa.

3. Pihak-pihak berkuasa yang masing-masing dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual kepada Perintah ini adalah pihak-pihak berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat-tempat terkawal masing-masing.

Pemansuhan S 50/04.

4. S 50/04 adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL

	Tempat	Nombor Pelan	Pihak Berkuasa
1.	Unit Tahanan dan Pemulihan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri.	GT020002BM bertarikh 19hb. Jun, 2003.	Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.
2.	Gadong Metering Station, Kampong Gadong, Mukim Gadong, Daerah Brunei-Muara.	GT020001BM bertarikh 21hb. April, 2003.	Pengarah Aset Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad.

JADUAL – sambungan

	Tempat	Nombor Pelan	Pihak Berkuasa
3.	Jerudong Metering Station, Kampong Sengkurong, Mukim Sengkurong, Daerah Brunei-Muara.	GT020005BM bertarikh 21hb. April, 2003.	Pengarah Aset Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad.
4.	Tungku Gas Plant, Kampong Tungku, Mukim Gadong, Daerah Brunei-Muara.	GT020003BM bertarikh 8hb. September, 2003.	Pengarah Aset Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad.
5.	Lapangan Terbang Anduki, Anduki, Mukim Seria, Daerah Belait.	GT030002KB bertarikh 1hb. April, 2003.	Pengarah Aset Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad.
6.	Liquified Petroleum Gas Bottling Plant, Brunei Liquified Natural Gas Lumut, Kampong Lumut, Mukim Sungai Liang, Daerah Belait.	GT030003KB bertarikh 31hb. Mac, 2003.	Pengarah Urusan Brunei Liquified Natural Gas Company Sendirian Berhad.
7.	New Gas Compression Plant, Seria, Mukim Seria, Daerah Belait.	GT030005KB bertarikh 5hb. Jun, 2003.	Pengarah Aset Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad.
8.	Onshore Compression Plant Brunei Liquified Natural Gas Lumut, Kampong Lumut, Mukim Sungai Liang, Daerah Belait.	GT030001KB bertarikh 1hb. April, 2003.	Pengarah Urusan Brunei Liquified Natural Gas Company Sendirian Berhad.
9.	Seria Crude Oil Terminal, Seria, Mukim Seria, Daerah Belait.	GT040001KB bertarikh 11hb. Mac, 2004.	Pengarah Aset Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad.

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1427
bersamaan dengan 8 haribulan Mei, 2006.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO PADUKA
HAJI AWANG ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA HAJI AWANG MOHD. YUSOF,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.